

**Headline** Pelajari Kejayaan Nissan, Renault  
**Date** 24. Mar 2008  
**Media Title** Utusan Malaysia  
**Section** Ekonomi  
**Circulation** 238082  
**Readership** 833287  
**Language** MALAY  
**Page No** 20  
**Article Size** 288 cm2  
**Frequency** Daily  
**Color** Full Color



## Pelajari rahsia kejayaan Nissan, Renault

KUALA LUMPUR 23 Mac - Saling menghormati identiti masing-masing menjadi kunci kejayaan kepada pakatan strategik antara Nissan Motor Co. Ltd. (Nissan) dan Renault SA (Renault) pada hari ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif bagi kedua-dua syarikat itu, Carlos Ghosn berkata, prinsip tersebut telah membenarkan kedua-dua syarikat itu mengekalkan kecemerlangan dalam industri automotif di dunia.

"Kami perlu menghormati identiti syarikat masing-masing. Kami tidak perlu memaksa antara kami untuk menjadi orang lain.

"Nissan tidak perlu menjadi Renault dan begitu juga sebaliknya. Sehingga hari ini, selepas hampir sembilan tahun bekerjasama, kami tetap dengan prinsip untuk saling menghormati.

"Selain itu, Renault dan Nissan bukan sekadar pakatan yang berperanan pasif. Kami menjalinkan kolaborasi yang baik menerusi pertukaran teknologi demi kebaikan kedua-dua pihak," katanya pada majlis Syarahan Global Khazanah di sini

baru-baru ini.

Hadir sama, Pemangku Raja Perak, Raja Dr. Nazrin Shah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Pengarah Urusan, Khazanah Nasional, Datuk Azman Mokhtar dan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Pada sesi soal jawab, Ghosn turut ditanya bagaimana Proton dapat mengukuhkan kedudukannya di pasaran pada masa depan.

Beliau berkata, syarikat pembuat kereta nasional tempatan itu perlu menerokai segmen baru dengan menumpukan kepada pengeluaran kereta kompak.

Menurut beliau, segmen itu dijangka menguasai pasaran pada masa akan datang berbanding pengeluaran segmen kereta besar.

Jelasnya, Proton juga perlu tampil dengan strategi dan program pembangunan yang tepat selain bijak mema-



CARLOS GHOSN

sarkan produk-produk yang dikeluarkannya.

"Proton perlu mendapat teknologi baru bagi menghadapi persaingan sengit dalam industri ini dengan menjalinkan kolaborasi dengan syarikat lain," katanya.

Ditanya sama ada pihaknya berminat untuk menjalin kerjasama dengan Proton, beliau berseloroh menjawab: "Anda perlu tanya soalan ini kepada Proton dan bukannya kepada saya."

Sementara itu, beliau turut meluahkan rasa kagumnya terhadap Malaysia yang memiliki kepelbagaian sumber ekonomi.

Pada majlis sama, Ghosn turut mencecit mengenai pengalamannya hampir suku abad dalam industri tersebut.

Ghosn yang dikenali sebagai Le Cost Killer telah membuat beberapa perubahan dan strategi berani untuk meletakkan Nissan kembali menjadi salah satu daripada peneraju automotif dunia

pada hari ini.

Tokoh automotif terkemuka dunia kelahiran Brazil itu menyertai Nissan pada Jun 1999 sebagai Ketua Pegawai Operasi sebelum dilantik Ketua Pegawai Eksekutif pada Jun 2001.

Kemampuannya menerajui Nissan terserlah apabila berjaya membawa keluar syarikat itu daripada bebanan hutang pada 2005 setelah menanggung kerugian sebanyak AS\$20 bilion (RM63.52 bilion) dan hanya tiga daripada jumlah 48 modelnya menghasilkan keuntungan ketika mula menyertai syarikat itu.

Kejayaan pemulihan Nissan menyebabkan Ghosn berjaya mencipta satu fenomena di Jepun sehingga digelar selebriti terkenal apabila karakter dirinya dijadikan buku komik.

Sementara itu, syarahan tersebut turut ditonton secara langsung oleh pelajar-pelajar dari empat universiti tempatan iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).